



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<p>MBMB/SH/2024/105</p> <p>KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN BI 7, TAMAN BERTAM IMPIAN DAN KAWASAN SEKITARNYA, BERTAM HULU, MELAKA</p> <p>Peruntukan : MARRIS</p> <p>Tarikh Kelulusan : 09/09/2024</p> <p>No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00001 /997(J)</p>	<p>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</p> <p>Gred G2 (Seluruh Negeri Melaka)</p> <p>Kategori CE</p> <p>Pengkhususan CE01</p>	<p>HARGA</p> <p>RM10.00 * Tidak akan dikembalikan</p> <p>TARIKH</p> <p>12 September 2024 (Khamis) sehingga 24 September 2024 (Selasa)</p>	<p>Khamis, 12 September 2024 Jam 11.00 pagi Berkumpul di Surau Taman Rumpun Bahagia, Bachang</p> <p>Lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN</p> <p>Koordinat Lokasi : 2.327078, 102.247650</p>	<p>TARIKH</p> <p>24 September 2024 (Selasa) pada jam 12.00 tengahari</p> <p>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p>

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **12 September 2024 (Khamis) sehingga 24 September 2024 (Selasa)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam